

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 87**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a)apakah jumlah keseluruhan pemandu e-hailing terkini sehingga Jun 2019 dan berapa ramai jumlah pemandu ehailing yang sudah lulus Lesen (PSV-Teksi/E-hailing); dan
- (b)apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan lagi para pemandu e-hailing supaya mereka membuat caruman Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan PERKESO agar diri mereka dan keluarga sentiasa dilindungi dibawah skim perlindungan keselamatan sosial ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) telah dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2017 dengan penumpuan awal kepada pemandu teksi, kereta sewa dan perkhidmatan *e-hailing*. Pada 1 Februari 2019, skim ini telah diperluas dan dikuatkuasakan ke atas pemandu bas atau perkhidmatan seumpamanya.
2. Memandangkan skim ini baru sahaja diperkenalkan, PERKESO ketika ini mengambil pendekatan "*soft approach*" dengan mempergiatkan aktiviti dan program meningkatkan kesedaran menerusi hebahan di media massa termasuk media sosial, laman web, pemasangan *banner* di tempat awam, edaran poster dan risalah, program pendidikan seperti program seranta, program turun padang ke lokasi-lokasi tumpuan pemandu teksi, kereta sewa dan bas, aktiviti bersama pemimpin masyarakat dan sebagainya.
3. Selain itu, sesi libat urus juga diadakan bersama persatuan-persatuan pemandu teksi dan perkhidmatan *e-hailing* serta kolaborasi bersama kementerian dan agensi lain yang berkaitan.
4. Mengikut data daripada Kementerian Sumber Manusia, sepanjang tahun 2018, sebanyak 853 program libat urus telah diadakan bersama persatuan-persatuan teksi dan perkhidmatan seumpamanya. PERKESO sedang membuat kerjasama dengan pihak Kementerian Pengangkutan bagi mensyaratkan Pemandu Teksi atau perkhidmatan *e-hailing* untuk mendaftar dan mencarum dengan PERKESO sebelum mengeluarkan/memperbaharui lesen vokasional (PSV). Sekiranya masih gagal mendaftar dan mencarum, tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka.
5. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 17 Jun 2019, jumlah pemandu yang telah berdaftar di pusat latihan memandu (Institut Memandu dan *e-hailing* operator) adalah berjumlah 23,968 orang.

**NO. SOALAN: 87**

Manakala yang telah lulus ujian PSV dan diberikan lesen memandu vokasional PSV adalah seramai 10,151 orang.

Sekian, terima kasih.